

## **PELANTIKAN TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (PENGURUSAN) YANG BAHARU**

**KUANTAN, 21 Mac 2019** – Pelantikan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang yang baharu, YH. Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim telah diadakan di Dewan SUK Wisma Sri Pahang. Pelantikan ini diadakan sempena majlis perpisahan mantan YH. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang, YH. Dato' Toantowee bin Haji Mohd Lotfie. Majlis ini diadakan dengan tayangan montaj kenangan dan diikuti ucapan terakhir mantan YH. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang. Di akhir majlis, para hadirin yang hadir telah menerima pengumuman pelantikan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang yang baharu.

Program diteruskan dengan acara menandatangani Nota Serah Tugas di antara mantan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang, YH. Dato' Toantowee bin Haji Mohd Lotfie dengan YH. Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim disaksikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Pahang.

Ringkasan mengenai latarbelakang Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang yang baharu YH. Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim. Beliau telah memulakan perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik pada 15 September 1997 dan ditempatkan di sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Pembangunan Lembah Kelang, Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya pada tahun 2003 beliau telah melanjutkan pengajian peringkat Sarjana In Urban Planning & Land Administration di ITC Enschede, Netherlands. Tahun 2005, beliau ditempatkan secara pentadbiran di Bahagian Keselamatan Negara. Pada tahun yang sama juga beliau telah ditukarkan ke Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri sebagai Ketua Penolong Pengarah. Tahun 2006 beliau telah menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah, Seksyen National Information Security Community (NISC), Unit Dasar Keselamatan Angkasa Dan Siber, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Krisis dan Bencana, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2007. Tahun 2008 beliau telah dilantik sebagai Pengarah, Bahagian Korporat dan Dasar, Keselamatan Strategik, Pejabat Ketua Pengarah, Majlis Keselamatan Negara. Pada tahun yang sama juga beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang dan Penyelidikan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 2012 beliau telah mengambil cuti belajar dan mengikuti Kursus PHD Politics di The University of Sheffield, United Kingdom. Setelah tamat belajar beliau telah ditempatkan di Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Tahun 2017 beliau telah ditukarkan sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

Acara disudahi dengan sesi ucap selamat dan mengimbas cap jari mantan YH. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerajaan Pahang sebagai simbolik berakhirnya perkhidmatan YH. Dato' Toantowee bin Haji Mohd Lotfie selaku penjawat awam yang telah berkhidmat selama lebih 30 tahun.

